

MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	9	ArticleSize	496 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 9,893	PR Value	RM 29,679



# YANG PENTING APA AKHIRNYA



ram@uum.edu.my

**T**EKA-TEKI mengenai pasukan mana yang menjadi juara Piala Eropah 2016 telah terjawab. Umum mengetahui pasukan Portugal telah dinobatkan sebagai juara dengan menewaskan Perancis, 1-0 dalam perlawanan akhir baru-baru ini. Tahniat dan syabas diucapkan.

Apa yang menarik tentang kemenangan Portugal ini yang boleh dijadikan pengajaran pada kita? Sudah pasti banyak perkara yang boleh dipelajari. Rumusannya ialah dalam sesuatu perkara, yang penting bukanlah pada permulaannya tetapi bagaimana ia berakhir.

Jika diimbaz kembali dalam kempen Piala Eropah kali ini, pasukan Portugal bermula dengan agak goyah. Mereka hanya mencatatkan tiga keputusan seri di peringkat kumpulan. Keputusan itu pula dicatatkan ke atas pasukan kerdil yang mampu ditekankan dengan jaringan besar.

Mereka hanya layak ke peringkat kadal mati atas faktor menjadi pasukan tempat ketiga terbaik. Dalam perlawanan peringkat suku akhir, mereka hanya mengharapkan nasib apabila menang menerusi sepakan penalti. Di peringkat separuh akhir dan akhir sahaja baru mereka menunjukkan taring sebenar.

Ramai penyokong bola sepak tidak meramalkan bahawa pasukan ini akan muncul juara walaupun mempunyai bintang bola sepak terhandal dunia, iaitu Cristiano Ronaldo. Malah, apabila berjaya melangkah kaki ke perlawanan akhir sekali pun, pasukan ini masih dianggap bukan pasukan pilihan.

Namun, berkat usaha keras

sepasukan dan komitmen yang tinggi, mereka berjaya muncul juara. Inilah yang dikatakan yang penting adalah pada akhirnya.

Walaupun mereka bermula dengan agak perlahan, namun pada akhirnya mereka muncul juara. Kejayaan Portugal ini memberi erti yang cukup banyak dalam urusan kehidupan kita seharian.

Apa kaitan perkara ini dengan kehidupan masyarakat terutamanya orang Islam? Apa kaitannya dengan Ramadan?

Penulis teringat nasihat daripada seorang ustaz semasa 10 malam terakhir Ramadan yang lepas. Beliau ada memberikan analogi mengenai lumba kuda. Dalam sesuatu perlumbaan, kuda akan berlari sepenuh tenaganya terutama apabila menghampiri garisan akhir bagi memenangi perlumbaan tersebut.

Begitu jugalah yang orang Islam sepatutnya lakukan pada malam-malam akhir Ramadan. Allah SWT menganugerahkan pada malam-malam akhir Ramadan dengan ganjaran lailatul-qadar yang lebih baik daripada 1,000 bulan.

Tidak berapa penting bagaimana permulaan Ramadan bagi seseorang individu, tetapi yang penting jika pada malam-malam akhir tersebut beliau bersungguh-sungguh melakukan ibadat maka beliaulah orang yang berjaya.

Dalam hal ini, ada benarnya cakap cerdik pandai, iaitu yang diambil kira ialah kesempurnaan di penghujung dan bukannya kekurangan atau kelemahan pada permulaannya. Begitu jugalah halnya dengan diri kita dalam melayari kehidupan seharian.

Tidak penting bagaimana kehidupan seseorang bermula. Ada yang bermula daripada seorang yang kaya-raya dengan kurniaan harta yang banyak. Dengan latar belakang keluarga yang senang dan mewah, tiada ada apa lagi

yang hendak dirisaukan dalam kehidupan.

Ada sesetengah orang pula bermula daripada keluarga yang sederhana. Mempunyai sedikit harta dan kerjaya yang baik. Boleh meneruskan kehidupan dengan baik.

Ada pula yang dilahirkan dalam keluarga yang miskin. Hidup dalam serba kekurangan. Hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Namun, hal ini tidak penting. Yang penting adalah apa yang berlaku selepas itu dan bagaimana ia berakhir.

Jika individu yang dilahirkan kaya menggunakan kekayaan tersebut untuk jalan yang bermanfaat, maka eloklah jadinya sepanjang hayat beliau. Tetapi, jika kekayaan itu digunakan untuk perkara-perkara yang tidak elok, maka pada akhirnya buruklah padahnya.

Begitulah juga dengan permulaan kehidupan yang miskin. Mungkin bermula dengan kemiskinan, tetapi di akhirnya berjaya menjadi seorang yang baik, maka ia lebih beruntung. Jika bermula dengan kemiskinan dan kekal dengan kemiskinan tetapi dilengkapi dengan akhlak yang terpuji, beruntung jugalah dirinya.

Sebaik-baik umur adalah hayat kehidupan yang digunakan untuk melakukan perkara-perkara yang baik. Seburuk-buruk umur pula adalah hayat kehidupan yang digunakan untuk perkara-perkara dosa dan maksiat.

Atas sebab itu, orang Islam disuruh untuk sentiasa berdoa supaya pada akhir umurnya diakhiri dengan kematian yang baik. "Ya Allah, akhirilah hidup kami dengan husnul khatimah (akhir yang baik) dan jangan Engkau akhiri hidup kami dengan suu-ul-khatimah (akhir yang buruk)".

Dalam hal ini, kita haruslah menyedari bahawa keadaan pada akhir hayat seseorang sebenarnya adalah sangat bergantung kepada

Headline	YANG PENTING APA AKHIRNYA		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	9	ArticleSize	496 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 9,893	PR Value	RM 29,679

apa yang diamalkan setiap hari. Adalah dibimbangkan jika amalan seharian dipenuhi dengan dosa dan maksiat, pada akhir hayat juga diakhiri dengan dosa dan maksiat.

Justeru, pada setiap masa dan saat, setiap orang Islam wajar memastikan bahawa amalan seharian yang dilakukan adalah baik dan patuh syariah. Tingkatkan usaha untuk memperbanyakkan amal ibadah fardu dan sunat. Perbanyakkan juga amalan yang memberikan kebaikan kepada masyarakat seperti menyebarkan ilmu, menyebarkan kasih sayang, tolong menolong dan sebagainya. Semoga beroleh takwa.

**PROF. MADYA DR. RAM AL JAFFRI SAAD** ialah Pengarah Penerbit UUM (UUM Press) dan pensyarah di Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Intan Safinaz (TISSA-UUM), Universiti Utara Malaysia.



**PENYERANG** Portugal, Cristiano Ronaldo (tengah) menjulang trofi ketika meraikan kemenangan bersama-sama anggota pasukannya selepas menjuarai Piala Euro 2016 dengan menewaskan pasukan Perancis di Stade de France di Saint-Denis, utara Paris, Ahad lalu. - AFP